



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA PEMBANGUNAN INSTRUMENTASI PENYELIDIKAN (PIP) UKM-SPKP-CRIM-PK01-GP07

Disediakan	Disemak	Diluluskan
Urus Setia SPKP Rohazaini Hasan Ketua Pentadbiran / Ketua Jaminan Kualiti Prof. Dr. Ismanizan Ismail Pengarah CRIM
Tarikh : 10 Mac 2020	Tarikh :	Tarikh :

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
01	02	01 April 2020

REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab pemegang dokumen ini untuk memastikan salinan dokumen terkawal ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan yang dinyatakan di dalam Rekod Pindaan.

REKOD PINDAAN					
No. Bil	No. Isu	No. Semakan	Muka Surat	Ringkasan Pindaan	Tarikh Kuatkuasa
1	01	01	5	F?I?P ditukar kepada F/I/P	01/01/2014
2	01	01	5	Perkataan tuntutan dibuang	01/01/2014
3	01	01	5	Tambah perkataan menaiktaraf instrumen/ penambahbaikan infrastruktur	01/01/2014
4	01	01	5	Buang perkataan semata-mata	01/01/2014
5	01	01	6	Perkataan disah ditukar kepada disahkan	01/01/2014
6	01	01	7	Buang perkataan dinilai dan diberi rating	01/01/2014
7	01	01	7	Buang perkataan Lampiran A dan Lampiran B	01/01/2014
8	01	01	7	Jawatankuasa Instrumentasi ditukar kepada Jawatankuasa Penilai Dana PIP	01/01/2014
9	01	02	0	Ketua Penolong Pendaftar Kanan / Ketua Jaminan Kualiti ditukar kepada Ketua Pentadbiran / Ketua Jaminan Kualiti	01/04/2020
10	01	02	6&7	Nic ditukar kepada kluster	01/04/2020
11	01	02	6	Penambahan klausa baru iaitu 4.0 Kaedah Penawaran	01/04/2020
12	01	02	6	Penambahan klausa 5.1.2 berkenaan permohonan melebihi RM200 ribu.	01/04/2020
13	01	02	6	LOI ditukar kepada ROI	01/04/2020
14	01	02	7	Penambahan Pejabat Dekan/Pengarah pada klausa 5.1.6	01/04/2020
15	01	02	8	Penambahan klausa 7.3 berkenaan JK Penilai Dana	01/04/2020
16	01	02	8	Penambahan klausa 7.4 berkenaan penilaian bagi permohonan peralatan yang sama jenis	01/04/2020

REKOD PINDAAN					
No. Bil	No. Isu	No. Semakan	Muka Surat	Ringkasan Pindaan	Tarikh Kuatkuasa
17	01	02	8	Penambahan klausa 7.5 berkenaan ketersediaan dana F/I/P	01/04/2020
18	01	02	8	Jawatankuasa Kewangan Dana Universiti Penyelidikan (JKKewDP) ditukar kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKP&P) serta penambahan Mesyuarat Pengurusan CRIM	01/04/2020
19	01	02	8&9	Penambahan klausa 8.2 berkenaan tatacara penyediaan dokumen untuk proses perolehan jika permohonan berjaya	01/04/2020
20	01	02	9&10	Penambahan klausa 9.2 berkenaan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Penilai Dana	01/04/2020
21	01	02	10	Penambahan klausa 9.3.2 berkenaan ketersediaan dana F/I/P	01/04/2020
22	01	02	10	Penambahan klausa 9.3.6 berkenaan analisis pulangan atas pelaburan, ROI	01/04/2020
23	01	02	13	Penambahan Perakukan dalam Mesyuarat Pengurusan CRIM dan Kelulusan dalam Mesyuarat JKP&P dalam carta alir	01/04/2020
24	01	02	13	Penukaran Nombor Telefon dan Nombor Faksimili	01/04/2020

KANDUNGAN

PERKARA	Muka surat
1.0 LATAR BELAKANG	5
2.0 TAKRIFAN INSTRUMEN PENYELIDIKAN GUNASAMA	5
3.0 MATLAMAT DANA	5
4.0 KAEDAH PENAWARAN	6
5.0 SYARAT PERMOHONAN	6
6.0 PROSEDUR PERMOHONAN	7
7.0 PENILAIAN	8
8.0 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN	8
9.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	9
10.0 CARTA ALIR	12

1.0. Latar Belakang

Dana Pembangunan Instrumentasi Penyelidikan (PIP) telah mula dibuka kepada F/I/P pada tahun 2007. Konsep Perkhidmatan Instrumen Gunasama diperkenalkan dalam permohonan dana ini untuk memberi perkhidmatan instrumentasi kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar UKM dengan lebih meluas. Garis Panduan ini dibangunkan sebagai panduan kepada F/I/P supaya permohonan, penilaian serta kelulusan dapat dibuat mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

2.0 Takrifan Instrumen Penyelidikan Gunasama

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 'peralatan' membawa maksud 'alat, instrumen, alatan atau cara'.

Seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa Instrumentasi Bil. 8(1/2009), maka istilah 'instrumen' ini telah ditakrif semula untuk menjadikannya lebih luwes dengan mengambil kira maksud instrumen dari konteks aliran sains sosial dan tidak hanya memberi tumpuan kepada aliran sains dan teknologi semata-mata. Justeru, takrifan Instrumen Penyelidikan Gunasama ditakrifkan sebagai instrumen yang boleh digunakan oleh penyelidik-penyelidik atau kumpulan penyelidikan dari berbilang fakulti/institut/pusat atau berbilang kluster penyelidikan yang merangkumi pelbagai latar bidang penyelidikan seperti sains sosial, kejuruteraan, sains dan teknologi. Sehubungan itu, instrumen gunasama seharusnya boleh dimanfaatkan oleh penyelidik-penyelidik dari sekurang-kurangnya 2 fakulti/institut/pusat atau 2 kluster penyelidikan yang berlainan.

3.0 Matlamat Dana

Matlamat utama Dana PIP adalah untuk mengembang dan mengukuhkan aktiviti penyelidikan melalui kemudahan instrumentasi penyelidikan yang disediakan.

Output daripada dana yang diperuntukkan ini seharusnya menyumbang kepada pencapaian KPI universiti penyelidikan. Selain itu, peruntukan ini juga bertujuan untuk memantapkan sistem 'Makmal Perkhidmatan Penyelidikan' (MPP) bagi menyediakan perkhidmatan berpusat kepada penyelidik-penyelidik baik di dalam mahupun di luar UKM.

4.0 Kaedah penawaran

Setiap permohonan adalah tertakluk kepada had siling RM200 ribu. Sekiranya terdapat permohonan peralatan berharga lebih RM200 ribu, pemohon perlu menyediakan sendiri peruntukan untuk membayar baki harga peralatan tersebut. Tiada had siling bagi harga peralatan yang hendak dibeli. Kaedah ini diperkenalkan bertujuan untuk memastikan pengagihan yang dibuat adalah adil dan membuka lebih peluang kepada penyelidik.

5.0 Syarat Permohonan

5.1 Dana ini terbuka kepada pemohon yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- 5.1.1 Instrumen yang dipohon mestilah instrumen yang boleh digunakannya oleh penyelidik dari **2 (DUA)** atau lebih fakulti/institut/pusat (F/I/P) atau dari sekurang-kurangnya **2 (DUA)** atau lebih kluster penyelidikan.
- 5.1.2 Pemohon mesti membuktikan mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar baki harga peralatan dalam mana-mana tabung F/I/P jika permohonan melebihi RM200 ribu.
- 5.1.3 Setiap maklumat yang dinyatakan dalam permohonan mesti diperkukuhkan dengan dokumen sokongan sebagai bukti (cth: rekod buku log instrumen gunasama, ROI untuk bukti gunasama dsbnya).
- 5.1.4 Permohonan peruntukan DANA PIP adalah untuk tujuan pembelian instrumen penyelidikan yang baru/ menaik taraf instrumen penyelidikan sedia ada/ menambah baik infrastruktur.

5.1.5 Pemohon dikehendaki membuat perincian terhadap instrumen yang ingin dipohon sekiranya instrumen tersebut adalah berbentuk 'system package'.

5.1.6 Pejabat Dekan/Pengarah F/I/P dikehendaki membuat *ranking* keutamaan kepada kesemua permohonan yang diterima sebelum permohonan tersebut dikemukakan ke CRIM.

5.2 Keutamaan permohonan akan diberikan kepada:

5.2.1 Permohonan dari makmal yang telah menyerlah dan dikenalpasti sebagai makmal gunasama yang dimanfaatkan oleh ramai pihak dari seluruh warga penyelidik universiti dan luar.

5.2.2 Permohonan yang dianggotai oleh kumpulan penyelidikan multi disiplin/kumpulan/kelompok/kluster/PTJ serta yang mempunyai rekod prestasi yang baik berasaskan sumbangan KPI ke arah mencapai taraf universiti penyelidikan.

5.2.3 Permohonan dari F/I/P yang belum pernah menerima sebarang kemudahan instrumentasi turut dipertimbangkan.

6.0 Prosedur Permohonan

6.1 Pemohon dikehendaki mengisi **Borang Permohonan Instrumen Penyelidikan Gunasama UKM Menggunakan Dana PIP (UKM-SPKP-CRIM-PK01-B007)** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang CRIM di alamat: <http://research.ukm.my>

6.2 Permohonan mestilah mendapat perakuan daripada fakulti/institut/pusat dan disahkan oleh dekan/pengarah masing-masing.

6.3 Permohonan perlu dihantar melalui F/I/P. Permohonan yang dihantar secara individu tidak akan dilayan.

6.4 Permohonan perlu dikemukakan kepada CRIM dalam tempoh yang ditetapkan dan mematuhi jadual kerja yang ditetapkan oleh pihak CRIM.

7.0 Penilaian Permohonan

- 7.1 Semua permohonan perlu dihantar kepada F/I/P untuk mendapatkan pengesahan/perakuan. Permohonan yang dihantar secara individu dan tanpa melalui F/I/P secara automatik tidak akan dinilai.
- 7.2 Permohonan yang dikemukakan oleh F/I/P kepada CRIM akan diproses dan dinilai oleh JK Penilai Dana PIP dengan menggunakan rubrik yang ditetapkan. Penilaian permohonan turut mengambil kira maklumat borang permohonan yang diisi dengan lengkap seperti justifikasi pembelian dan pembuktian syarat guna sama serta dokumen sokongan yang disertakan.
- 7.3 JK Penilai Dana PIP yang dilantik oleh CRIM akan memperakukan instrumen penyelidikan yang layak dibeli dengan menggunakan Dana PIP.
- 7.4 Jika terdapat dua atau lebih permohonan instrumen yang sama jenis daripada F/I/P yang berbeza, pemilihan dan keputusan akan dibuat berdasarkan pertimbangan JK Penilai Dana PIP.
- 7.5 Keputusan akan dibuat mengikut ketersediaan dana dalam tabung F/I/P dan dana PIP yang diterima.
- 7.6 Perakuan daripada JK Penilai Dana PIP akan dimajukan ke Mesyuarat Pengurusan CRIM dan Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKP&P) untuk tujuan kelulusan.
- 7.7 Semua keputusan adalah muktamad.

8.0 Pemakluman Keputusan Permohonan

- 8.1 Keputusan permohonan Dana PIP akan dimaklumkan kepada pemohon selepas persetujuan JKP&P.
- 8.2 Sekiranya lulus, surat kelulusan akan dikeluarkan. Mohon lengkapkan dokumen-dokumen berkaitan dan sila kemukakan kepada CRIM:
 - 8.2.1 Surat Pengakuan Penerimaan Dana Pembangunan Instrumen Penyelidikan (PIP) (UKM-SPKP-CRIM-PK01-L02).

- 8.2.2 Surat persetujuan menyalurkan baki harga peralatan jika permohonan melebihi had siling yang ditetapkan ke dalam tabung RU di CRIM..
- 8.2.3 Borang Permohonan Perolehan Bekalan/Perkhidmatan (UKM-SPKP-PKU04-B001) bersama-sama 3 sebut harga daripada pembekal untuk perolehan RM20,000 dan ke bawah.
- 8.2.4 Rujuk prosedur perolehan sebut harga B (UKM-SPKP-PKU04-GP06) untuk perolehan melebihi RM20,000 hingga RM50,000.
- 8.2.5 Rujuk prosedur perolehan sebut harga (UKM-SPKP-BEN-PKU04-GP03) untuk perolehan melebihi RM50,000 hingga RM500,000.
- 8.2.6 Rujuk prosedur perolehan tender (UKM-SPKP-PKU04-GP04) bagi perolehan melebihi RM500,000.
- 8.2.7 Borang Permohonan Perolehan Barangan Import (UKM-SPKP-BEN-PK02-B027) untuk perolehan RM50,000 dan ke atas.

9.0 Peranan dan Tanggungjawab

- 9.1 Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi CRIM
 - 9.1.1 Memaklumkan pelawaan permohonan dana kepada F/I/P.
 - 9.1.2 Menerima dan memproses permohonan yang dihantar dan di bawa ke sesi penilaian.
 - 9.1.3 Memaklumkan keputusan penilaian kepada F/I/P.
 - 9.1.4 Membuat proses perolehan untuk instrumen yang diluluskan.
 - 9.1.5 Membuat pemantauan terhadap laporan penggunaan instrumen secara berkala.
- 9.2 Jawatankuasa Penilai Dana PIP
 - 9.2.1 Membuat penilaian bagi setiap permohonan yang diterima.

9.2.2 Memperakukan permohonan yang berjaya untuk dibawa ke Mesyuarat Pengurusan CRIM dan Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKP&P).

9.3 Penerima Dana (F/I/P)

9.3.1 Memastikan bahawa prosedur berkaitan dengan pembelian instrumen dibuat mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

9.3.2 Memastikan ketersediaan dana dalam tabung F/I/P jika permohonan melebihi siling yang ditetapkan.

9.3.3 Memastikan pembelian instrumen yang dibuat tidak melebihi jumlah peruntukan yang diluluskan.

9.3.4 Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan dan pentadbiran bagi instrumen yang diluluskan.

9.3.5 Membuat/menyediakan perancangan bajet tahunan untuk kos pengoperasian dan penyelenggaraan. CRIM tidak akan menanggung kos tersebut.

9.3.6 Membuat analisis pulangan atas pelaburan (ROI) termasuk bilangan pengguna yang dijangka menggunakan instrumen dan caj yang akan dikenakan bagi setiap analisis.

9.3.7 Memastikan instrumen yang diluluskan beroperasi dan diselua dengan baik kerana instrumen tersebut merupakan aset universiti.

9.3.8 Memastikan bahawa instrumen yang dibeli dimanfaatkan sebagai instrumen yang boleh digunakannya oleh seluruh penyelidik UKM.

9.3.9 Memastikan instrumen yang dibeli dapat memberikan output yang mampu memberi sumbangan kepada KPI universiti.

9.3.10 Mengemukakan kepada CRIM laporan penggunaan instrumen mengikut jadual yang telah ditetapkan. Instrumen yang terlibat adalah seperti di bawah:

- a. Instrumen yang diluluskan berharga lebih dari RM 200 ribu.
- b. Instrumen yang berdaftar dengan Unit Aset Jabatan Bendahari.

9.3.11 Laporan tersebut perlu melaporkan status instrumen, rekod penggunaan serta hasil penggunaan instrumen tersebut (cth: bilangan kertas kerja yang dihasilkan yang melibatkan penggunaan instrumen yang dibiaya, jumlah penajaan kewangan yang diperolehi dari penggunaan instrumen dsbnya. Format yang lebih terperinci akan ditetapkan oleh pihak CRIM).

9.3.12 Memaklumkan kepada penyelaras alat berkenaan peranan dan tanggungjawab penerima dana seperti yang dinyatakan di atas.


9.4 Pegawai Aset F/I/P

9.4.1 Mendaftarkan aset/inventori menggunakan borang yang telah ditetapkan.

- i. Borang KEW.PA 2 dan KEW.PA 4 untuk aset
- ii. Borang KEW.PA 3 dan KEW.PA 5 untuk inventori

9.4.2 Menghantar satu salinan borang yang telah dilengkap diisi kepada CRIM untuk tujuan rekod.

10.0 CARTA ALIR





Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)

**UKM-SPKP-CRIM-PK01-GP07 : GARIS PANDUAN PERMOHONAN
DANA PEMBANGUNAN INSTRUMENTASI PENYELIDIKAN (PIP)**

-TAMAT-

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI (CRIM)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM BANGI

SELANGOR

NO. TEL: 03-89118515/8514/8506

NO. FAKS: 03-89118516

LAMAN SESAWANG: <http://research.ukm.my>